

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

AgroGold Account-i

Tarikh: _____
[Untuk diisi oleh Pegawai Jualan]

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat am sebelum anda membuat keputusan untuk memohon AgroGold Account-i. Sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat am, sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank").

1. Apakah produk ini?

AgroGold Account-i ("AGA-i") membolehkan anda membeli dan menjual emas dengan mudah dan selamat tanpa perlu menyimpan emas fizikal. Anda berpeluang menyertai pasaran emas secara mampu milik dan menikmati keuntungan daripada peningkatan modal emas, tertakluk kepada turun naik pasaran emas semasa. Melalui produk ini, anda akan menikmati kemudahan berikut:

- Pembelian mampu milik serendah RM10.
- Disokong dengan emas tulen 999.9 yang diakreditasi oleh London Bullion Market Association (LBMA).
- Emas yang dibeli disimpan dengan selamat di dalam peti simpanan khas.
- Pilihan untuk menebus Emas Fizikal daripada AgroGold Account-i.

2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai?

Konsep Syariah utama adalah seperti berikut: -

Konsep	Huraian
<i>Wakalah</i>	Anda melantik Bank sebagai ejen untuk mengurus dan mengendalikan akaun AGA-i anda yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, memudahcara urus niaga beli dan jual emas, penukaran emas, pemindahan emas daripada seorang pemegang akaun kepada yang lain, serta penyimpanan emas bagi pihak anda. Bank berhak mengenakan fi wakalah.
<i>Bai' al-Sarf</i>	Bank sebagai ejen anda melaksanakan <i>Bai' al-Sarf</i> dengan memudahcara urus niaga beli dan jual emas bagi pihak anda dengan pembekal emas. Urus niaga beli dan jual adalah berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui bersama, termasuk harga tertentu dan berat atau kuantiti emas.

Untuk maklumat lanjut mengenai konsep Syariah sokongan lain seperti *Wadi'ah*, *Hibah* dan *Mubadalah Zahab bi Zahab Ma'al Ujrah*, sila rujuk kepada Terma dan Syarat Produk.

3. Apakah ciri-ciri produk ini?

Bil	Ciri	Huraian									
1	Kelayakan	a) Individu (Warganegara Malaysia, Pemastautin & Bukan Pemastautin) • Berumur 18 tahun ke atas • Akaun Bersama, Akaun Amanah (Bagi individu bawah umur, ibu bapa atau penjaga yang dilantik oleh mahkamah akan bertindak sebagai pemegang amanah) b) Bukan Individu (Berdaftar di Malaysia) • Pemilik Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad, Agensi Kerajaan, Persatuan dan Pertubuhan									
2	Pembelian Minimum	<table> <tr> <th>Pelanggan</th><th>Pembelian Permulaan</th><th>Pembelian Seterusnya</th></tr> <tr> <td>Individu / Akaun Bersama</td><td>Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa</td><td>Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa</td></tr> <tr> <td>Akaun Bukan Individu</td><td>Minimum RM100 atau 1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa</td><td>Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa</td></tr> </table>	Pelanggan	Pembelian Permulaan	Pembelian Seterusnya	Individu / Akaun Bersama	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Akaun Bukan Individu	Minimum RM100 atau 1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa
Pelanggan	Pembelian Permulaan	Pembelian Seterusnya									
Individu / Akaun Bersama	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa									
Akaun Bukan Individu	Minimum RM100 atau 1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa									

No	Ciri	Description
3	Ketulenan Emas	999.9
4	Jenama dan Akreditasi Emas	Aset emas dikeluarkan oleh Penapis Emas yang diiktiraf di bawah piawaian "LBMA Good Delivery". Jenama yang diiktiraf oleh <i>London Bullion Market Association (LBMA)</i> mematuhi piawaian kualiti dan ketulenan yang ketat, menjadikan emas mereka sesuai untuk didagangkan di pasaran kaunter global. Jenama tersebut termasuk dan tidak terhad kepada Metalor Technologies Singapore Pte. Ltd., IGR Metal Trading DMCC, Argor-Heraeus, The Perth Mint dan PAMP Suisse.
5	Keperluan Akaun	Anda dikehendaki mengekalkan Akaun Simpanan dengan Bank bagi tujuan berikut: - Pembelian emas melalui pendebitan Akaun Deposit - Penjualan emas melalui pengkreditan Akaun Deposit - Pendebitan fi dan caj berkaitan (jika ada)
6	Saluran Transaksi	Kaunter (OTC)
7	Jenis Transaksi	- Beli dan jual emas. - Pemindahan emas. - Penukaran kepada Jongkong Emas Fizikal.
8	Harga Emas	Harga emas bergantung kepada pergerakan dalam Pasaran Emas Antarabangsa dan Pasaran Tukaran Matawang. Harga berbeza antara Waktu Puncak (8.30 pagi hingga 5.59 petang Hari Bekerja) dan Waktu Luar Puncak (6.00 petang hingga 11.59 malam Hari Bekerja dan 8.30 pagi hingga 11.59 malam Hujung Minggu/ Cuti Umum). Harga Luar Waktu Puncak adalah berdasarkan Harga Emas Langsung Antarabangsa dan Harga Penutup USD-MYR.
9	Penyimpanan Emas	Anda melantik Bank sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk memudahkan penyimpanan emas anda dengan Penyedia Simpanan Selamat pihak ketiga.
10	Kaedah Penukaran Emas	- Merujuk kepada penukaran daripada akaun AGA-i kepada Jongkong Emas Fizikal sahaja. - Pelanggan boleh memberikan alamat pilihan bagi penghantaran Jongkong Emas Fizikal. - Perkhidmatan kurier akan diuruskan oleh pembekal emas. - Caj penukaran akan dikenakan bagi transaksi ini

4. Apakah fi dan caj?

Bil	Fi & Caj	Huraian																				
1	Caj Penukaran	Berdasarkan caj penukaran yang dikenakan oleh pembekal emas seperti berikut:																				
		<table><tr><th>Denominasi Emas</th><th>Caj Penukaran (RM)</th></tr><tr><td>0.5 gramm</td><td>33</td></tr><tr><td>1 gram</td><td>35</td></tr><tr><td>5 gram</td><td>45</td></tr><tr><td>10 gram</td><td>85</td></tr><tr><td>50 grams</td><td>280</td></tr><tr><td>100 gram</td><td>380</td></tr><tr><td>1,000 gram</td><td>1,200</td></tr><tr><td>1 Dinar (4.25 gram)</td><td>65</td></tr><tr><td>5 Dinar (21.25 gram)</td><td>110</td></tr></table>	Denominasi Emas	Caj Penukaran (RM)	0.5 gramm	33	1 gram	35	5 gram	45	10 gram	85	50 grams	280	100 gram	380	1,000 gram	1,200	1 Dinar (4.25 gram)	65	5 Dinar (21.25 gram)	110
		Denominasi Emas	Caj Penukaran (RM)																			
		0.5 gramm	33																			
		1 gram	35																			
		5 gram	45																			
		10 gram	85																			
		50 grams	280																			
		100 gram	380																			
		1,000 gram	1,200																			
1 Dinar (4.25 gram)	65																					
5 Dinar (21.25 gram)	110																					

2	Fi Wakalah	- Fi Wakalah adalah mengikut budi bicara bank dari serendah 0% sehingga 1.00% setahun terhadap nilai purata baki emas dalam Akaun AGA-i anda. - Fi Wakalah boleh diketepikan atas budi bicara Bank. - Fi Wakalah akan didebitkan daripada Akaun Deposit anda.																								
3	Caj Kurier dan Penghantaran Khas	Berdasarkan caj yang dikenakan oleh pembekal emas. - Caj Perkhidmatan Kurier <table border="1"> <thead> <tr> <th>Butiran</th><th>Semenanjung Malaysia</th><th>Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Caj Insurans / Takaful</td><td colspan="2">RM 4 per gram</td></tr> <tr> <td>Caj Pengendalian</td><td colspan="2">RM 10 setiap keping</td></tr> <tr> <td>Caj Penghantaran</td><td>RM 17 setiap penghantaran</td><td>RM 22 setiap penghantaran</td></tr> <tr> <td>Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)</td><td colspan="2">Minimum: 1 gram Maksimum: 100 gram</td></tr> </tbody> </table> - Caj Penghantaran Khas <table border="1"> <thead> <tr> <th>Butiran</th><th>Semenanjung Malaysia</th><th>Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Caj Perkhidmatan</td><td>RM 1,500</td><td>RM 2,200</td></tr> <tr> <td>Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)</td><td colspan="2">Minimum: 1,000 gram Maksimum: 3,000 gram</td></tr> </tbody> </table> Nota: - Anda bersetuju bahawa pembekal emas akan menguruskan penghantaran perkhidmatan kurier dan/atau penghantaran khas. Anda juga bersetuju untuk Bank mendedahkan maklumat berkaitan seperti nama benefisiari, alamat surat-menyurat dan nombor telefon (bimbit atau talian tetap) kepada pembekal emas bagi tujuan pemenuhan perkhidmatan kurier dan/atau penghantaran khas. - Caj perkhidmatan kurier dan/atau penghantaran khas dikenakan oleh pembekal emas.	Butiran	Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)	Caj Insurans / Takaful	RM 4 per gram		Caj Pengendalian	RM 10 setiap keping		Caj Penghantaran	RM 17 setiap penghantaran	RM 22 setiap penghantaran	Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)	Minimum: 1 gram Maksimum: 100 gram		Butiran	Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)	Caj Perkhidmatan	RM 1,500	RM 2,200	Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)	Minimum: 1,000 gram Maksimum: 3,000 gram	
Butiran	Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)																								
Caj Insurans / Takaful	RM 4 per gram																									
Caj Pengendalian	RM 10 setiap keping																									
Caj Penghantaran	RM 17 setiap penghantaran	RM 22 setiap penghantaran																								
Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)	Minimum: 1 gram Maksimum: 100 gram																									
Butiran	Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)																								
Caj Perkhidmatan	RM 1,500	RM 2,200																								
Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)	Minimum: 1,000 gram Maksimum: 3,000 gram																									

Nota:

Bank akan memberikan notis sekurang-kurangnya 21 hari kepada anda sebelum sebarang perubahan dibuat terhadap fi dan caj (jika berkenaan).

5. Apakah risiko utama?

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum melakukan transaksi emas.

Jenis Risiko	Huraian
Risiko Pasaran	Pelbagai faktor boleh mempengaruhi harga emas termasuk keadaan pasaran, sentimen dan keyakinan pelabur, kadar keuntungan, pertukaran mata wang, inflasi, faktor perniagaan dan ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar serta peristiwa lain sama ada di peringkat tempatan atau global.
Risiko Penentuan Harga	Harga emas bergantung kepada pergerakan dalam pasaran emas. Nilai rujukan ini boleh menjadi tidak menentu dan perubahan harga sedemikian boleh menyebabkan harga, paras atau nilai bergerak bertentangan dengan kepentingan anda serta memberi kesan negatif kepada pulangan emas.
Risiko Pulangan Pelaburan	Anda terdedah kepada perubahan nilai rujukan di antara masa pembelian emas dan masa penjualan. Prestasi lampau tidak menunjukkan pulangan masa hadapan. Pulangan emas adalah daripada peningkatan nilai pembelian anda dan tertakluk kepada turun naik keadaan pasaran emas. Walau bagaimanapun, prinsipal dan pulangan tidak dijamin manakala risiko kerugian berpotensi adalah tinggi dan besar sekiranya harga emas merosot.

6. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan Bank mengenai sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila kunjungi mana-mana cawangan Bank yang berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat : Agrobank Berhad, Leboh Pasar Besar,
50726 Kuala Lumpur
No. Tel : 1-300-88-2476
Faks : 603-2691-7790
Emel : customer@agrobank.com.my

7. Produk Akaun AGA-i lain yang tersedia

Tiada

8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda ingin memberikan maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Agrobank, sila hubungi kami di:

Alamat : Agrobank, Client Relationship Management,
Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel. : 1-300-88-2476
Faks : 603-2691-7790
Emel : customer@agrobank.com.my

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato'
Onn, 50480 Kuala Lumpur
No.Tel : 1-300-88-5465
Faks : 603-2174-1515
Emel : bnmtelink@bnm.gov.my

Maklumat Lain

- Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah setakat tarikh dokumen ini.
- Pelanggan dinasihatkan untuk meneliti semua faktor risiko dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan untuk memohon produk ini.
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuat kuasa pada 15 November 2013. Sila kunjungi cawangan Bank yang berhampiran atau laman sesawang www.agrobank.com.my sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.

PENAFIAN

Pulangan AgroGold Account-*i* adalah tertakluk kepada turun naik harga emas. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat AgroGold Account-*i*.

Pengakuan Pelanggan

Saya / Kami dengan ini menerima dan memahami Helaian Pendedahan Produk ini sebagaimana yang telah diterangkan kepada saya / kami

.....
Nama :
No Kad :
Pengenalan (NRIC)
Date :